

14 JAN 2003

Suhakam/I

DAKWAAN PENCABULAN HAK ASASI DITOKOK TAMBAH, KATA SUHAKAM

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Beberapa dakwaan tentang pencabulan hak asasi di Malaysia telah ditokok tambah, kata Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) Tan Sri Abu Talib Othman.

"Suhakam sedar mengenai kebimbangan yang diluahkan oleh beberapa pejuang hak asasi di Malaysia. Sesetengah daripada tuduhan ini dibesar-besarkan," katanya pada Persidangan Masa Depan Strategik Malaysia 2003 anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Malaysia (ASLI) di sini hari ini.

Abu Talib berkata Malaysia amat komited dalam menggalakkan dan melindungi hak asasi tetapi "kami akui terdapat beberapa insiden pencabulan hak asasi", kebanyakannya berkaitan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Beliau juga berkata untuk mendapatkan satu penyelesaian muktamad kepada masalah perpaduan nasional, tumpuan sekarang mungkin perlu diubah kepada prinsip hak asasi seperti meningkatkan peluang kepada golongan miskin daripada semua kaum, memudahkan peluang mendapat pekerjaan dan mengukuhkan keselamatan.

"Sudah sampai masanya, kita perlukan pendekatan yang asas bagi semua strategi sosio-ekonomi dan politik kita untuk memberi manfaat kepada semua orang," katanya.

Abu Talib berkata Malaysia telah mencapai kejayaan besar dalam banyak bidang di bawah kepimpinan sekarang dan tidak mungkin berlaku sebarang perubahan dalam dasar-dasar pembangunan kerajaan.

Ketua Wanita Gerakan Datuk Rhina Bhar memberitahu persidangan itu bahawa apa yang jelas daripada keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal Perdana Menteri dan Datuk Dr Jamaludin Jarjis sebagai Menteri Kewangan Kedua, bertujuan mengekalkan kestabilan politik.

"Perdana Menteri telah dengan tegas berkata bahawa tidak ada masalah dalam soalan peralihan kuasa. Jadi persoalan tentang perebutan kuasa selepas persaraan Perdana Menteri tidak timbul," katanya.

Rhina berkata walaupun 12 pilihan raya umum yang lepas dianggap peristiwa penting dalam sejarah politik Malaysia, yang perlu diberi lebih perhatian ialah pemilihan dalam Umno.

-- BERNAMA

RV AZZ MAI